

LAPORAN TAHUNAN 2018



KATA-KATA ALUAN DARI PENAUANG KOBANAS



Ketua Eksekutif
Bank Simpanan Nasional
Merangkap Penaung KOBANAS

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Pengurusan KOBANAS kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi kata-kata aluan dan menyampaikan amanat di dalam Buku Laporan Tahunan 2018 ini.

Syabas dan tahniah sekali lagi diucapkan kepada Anggota Lembaga, Pengurusan dan Perwakilan KOBANAS khususnya, kerana dapat mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 26 pada tahun ini di samping dapat mengekalkan prestasi keuntungan yang mantap untuk tahun 2018 dan yang lebih penting dapat memberi pulangan dividen yang baik kepada Anggota KOBANAS.

Saya yakin prestasi ini akan dapat diteruskan untuk tahun-tahun akan datang sekiranya Pengurusan KOBANAS sentiasa menjalankan tadbir urus koperasi yang lebih komited dan melaksanakan amanah yang diberikan oleh anggota KOBANAS dan Pengurusan BSN. Ini akan memberikan imej yang baik kepada BSN kerana KOBANAS merupakan koperasi yang ditadbir penuh oleh kakitangan BSN.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada anggota KOBANAS di atas sokongan dan kepercayaan yang tuan/puan berikan selama ini kerana sekiranya tiada sokongan tuan/puan selaku anggota KOBANAS mungkin KOBANAS tidak berada di tahap sekarang.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua Perwakilan dan Pengurusan KOBANAS.

Sekian, terima kasih.

(DATUK YUNOS BIN ABD GHANI)

PERUTUSAN DARI PENASIHAT KOBANAS



Ketua Pegawai Kewangan
Bank Simpanan Nasional
Merangkap Penasihat KOBANAS Berhad

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Saya ingin mengambil kesempatan di dalam Buku Laporan Tahunan 2018 Koperasi Kakitangan BSN Berhad (KOBANAS) ini untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh Anggota Lembaga Koperasi, perwakilan serta wargakerja KOBANAS kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 26.

Tahniah juga kepada KOBANAS kerana masih lagi berjaya mengekalkan prestasi keuntungan yang baik bagi tahun 2018. Saya selaku Penasihat kepada KOBANAS juga berharap prestasi ini akan dapat dikekalkan atau lebih baik untuk tahun-tahun seterusnya agar ianya secara tidak langsung dapat meyakinkan lagi kakitangan Bank Simpanan Nasional untuk menjadi anggota KOBANAS.

Prestasi yang baik ini tidak akan diperolehi dengan sendirinya tanpa kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak BSN, Anggota Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pegawai dan Kakitangan KOBANAS samada secara langsung ataupun sebaliknya.

Kepada semua ALK dan Perwakilan KOBANAS saya mengingatkan agar melaksanakan tugas serta amanah yang dipegang dengan penuh tanggungjawab disamping menggandakan usaha ke arah kejayaan KOBANAS yang lebih cemerlang bagi memberi lebih banyak manfaat dan faedah serta kebajikan kepada anggota KOBANAS.

Kepada semua anggota yang lain, saya sekali lagi menyeru supaya terus memberikan sokongan kepada KOBANAS agar matlamat yang dicitakan akan menjadi kenyataan dan seterusnya memberi pulangan yang baik kepada anggota dalam bentuk dividen.

Sekian, terima kasih,

(JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH)

PERUTUSAN Pengerusi KOBANAS



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita berhimpun di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOBANAS Kali Ke 26 bagi sesi 2019/2020 selaras dengan maksud Seksyen 39 Akta Koperasi dan Peruntukan Para 27 Undang-undang Kecil KOBANAS.

Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Perwakilan yang hadir pada mesyuarat agung kali ini. Saya merasa bangga atas komitmen serta tanggungjawab yang diberikan oleh tuan/puan selaku Perwakilan bagi memastikan mesyuarat agung kali ini berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga sokongan daripada anggota-anggota KOBANAS yang tidak berbelah bagi demi memastikan KOBANAS terus maju.

Tahun 2018 sekali lagi memperlihatkan KOBANAS terus dapat mengekalkan prestasi keuntungan yang lebih baik berbanding tahun 2017. Meskipun begitu usaha bagi mencapai objektif yang dirancang masih diteruskan agar KOBANAS berada dilandasan yang betul. Untuk tahun 2018 KOBANAS telah mencatatkan keuntungan ianya menjadikan tahun ke 19 berturut-turut KOBANAS mengekalkan keuntungan ini. Lanjutan daripada prestasi keuntungan ini KOBANAS mampu untuk mengekalkan pembayaran dividen kepada semua Anggota sepertimana kadar yang diberikan pada tahun lalu iaitu pada kadar 10% atas syer dan 8% atas yuran bulanan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua anggota KOBANAS di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya dan rakan-rakan Anggota Lembaga Koperasi lain menerajui kepimpinan tertinggi KOBANAS dan berjanji akan memastikan KOBANAS berada di landasan yang betul sepertimana saranan kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mantan pengerusi Encik Noor Azmi Jaafar dan bekas Naib Pengerusi Tuan Syed Jamaludin Syed Jaafar yang sebelum ini sama-sama memastikan KOBANAS terus berada dikalangan koperasi terbaik di seluruh Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia serta pihak ANGKASA yang sentiasa memberikan kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada KOBANAS. Tak lupa juga kepada Pengurusan tertinggi BSN, pegawai serta kakitangannya yang selama ini memberi kerjasama dan sokongan kepada pihak KOBANAS.

Sekian, terima kasih.

HAMZAH HAJI IBRAHIM

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2018/2019



HAMZAH HAJI IBRAHIM
PENGERUSI



MOHD KAMARUZAMAN NOR
SETIAUSAHA



MOHD KHASNIEDDY KHASIMI
NAIB PENGERUSI



ZAINUDDIN HAJI NGAH RABU
BENDAHARI



MAZLAN DARWIS
ALK



MOHAMAD HIDAYAT MAHMUD
ALK



AZIZ HASSAN
ALK



NUR SYAZWINI ZAKARIA
ALK



HARUDIN ASMAL HARON
ALK



MOHD GHAZALI ABU ZAHID
ALK



JAMSARI@RIDZUAN MOHD NOOR
ALK



ROSAFANDI HAJI RUSLI
ALK

**PENAUNG, PENASIHAT, ALK,
Jaw. Audit Dalaman dan Jaw. Badan Peneliti
KOBANAS**

PENAUNG

1. Datuk Yunos bin Abd Ghani

PENASIHAT

1. Jay Khairil Jeremy bin Abdullah

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

- | | |
|-------------------------------------|-----------------|
| 1. Hamzah bin Hj. Ibrahim | Pengerusi |
| 2. Mohamad Khasnieddy bin Khasimi | Naib Pengerusi |
| 3. Mohd Kamaruzaman bin Nor | Setiausaha |
| 4. Zainuddin bin Hj Ngah Rabu | Bendahari |
| 5. Mazlan bin Darwis | Anggota Lembaga |
| 6. Mohamad Hidayat bin Mahmud | Anggota Lembaga |
| 7. Aziz bin Hassan | Anggota Lembaga |
| 8. Nur Syazwini binti Zakaria | Anggota Lembaga |
| 9. Harudin Asmal bin Haron | Anggota Lembaga |
| 10. Mohd Ghazali bin Abu Zahid | Anggota Lembaga |
| 11. Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor | Anggota Lembaga |
| 12. Rosafandi bin Hj. Rusli | Anggota Lembaga |

JAWATANKUASA AUDIT DALAM

- | | |
|---|--------------|
| 1. Rosli bin Husshin | Pengerusi |
| 2. Mohd Abkhalisatul Rohaizad bin Abd Karim | Setiausaha |
| 3. Al-Nazri bin Zulkefli | Jawatankuasa |
| 4. Fadzil Azri bin Abd Samad | Jawatankuasa |
| 5. Roslee bin Ahmad | Jawatankuasa |

JAWATANKUASA BADAN PENELITI

- | | |
|---------------------------|--------------|
| 1. Mohd Zaini bin Yahya | Pengerusi |
| 2. Omar Adani bin Tengah | Jawatankuasa |
| 3. Mohd Riduan bin Hassan | Jawatankuasa |

**SENARAI PERWAKILAN NEGERI/KAWASAN
SESI 2017-2019**

IBU PEJABAT

1.	Muhamad Zairi bin Abdullah`	Perwakilan
2.	Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Perwakilan
3.	Abd Razak bin Ariffin	Perwakilan
4.	Suzana binti Abdul Malik	Perwakilan
5.	Izham bin Ismail	Perwakilan
6.	Amran bin Yusof	Perwakilan
7.	Faizal bin Mohamed	Perwakilan
8.	Yasman bin Hamid	Perwakilan
9.	Jasni bin Mohamed Junid	Perwakilan
10.	Sabri bin Yahia	Perwakilan
11.	Mohd Fadzil bin Ismail	Perwakilan
12.	Mazlina binti Malik	Perwakilan
13.	Kamaruzaman bin Abdul Kayum	Perwakilan
14.	Mohd Sharuddin bin Mat Idris	Perwakilan
15.	Muhammad Faizal bin Ariffin	Perwakilan
16.	Ahmad bin Jali	Perwakilan
17.	Mohammad Saiful bin Mansor	Perwakilan
18.	Mimi Azura binti Hj Othman	Perwakilan

KUALA LUMPUR

1.	Mohd Saini bin Mohd Shariff	Perwakilan
2.	Mohd Nijam bin Johari	Perwakilan
3.	Sefullah bin Tauhed Ahmed	Perwakilan
4.	Anas Asri bin Othman	Perwakilan
5.	Anuar bin Ali	Perwakilan
6.	Tg. Saiful Azhar bin Tg. Mohd Nordin	Perwakilan

SELANGOR

1.	Abdul Ghani bin Bulat	Perwakilan
2.	Asrul Nizam bin Abd Rahman	Perwakilan
3.	Hamzah bin Ahmad	Perwakilan
4.	Mohd Zailin bin Ismail	Perwakilan
5.	Zalma binti Mohamed Tajuddin	Perwakilan
6.	Norazak bin Mohd Tohar	Perwakilan
7.	Khairil Izhar bin Md Yahya	Perwakilan

PERAK

1.	Kamal Bashah bin Said	Perwakilan
2.	Fauziana binti Mohd Yunos	Perwakilan
3.	Soraya binti Adnan	Perwakilan
4.	Siti Salina binti Rasol	Perwakilan
5.	Sabarudin bin Hussin	Perwakilan
6.	Norazman bin Khalid	Perwakilan
7.	Mohsin bin Ahmad	Perwakilan
8.	Mohd Azli bin Arshad	Perwakilan

NEGERI SEMBILAN

1.	Ahmad Zamzuri bin Abdullah	Perwakilan
2.	Noordin bin Abdul Talip	Perwakilan
3.	Nor Hizam bin Hashim	Perwakilan
4.	Khairul Nizam bin Jamalludin	Perwakilan
5.	Mohd Firdaus Qusairy bin Mohd Yusof	Perwakilan

MELAKA

1.	Al Naim bin Jenal	Perwakilan
2.	Jeffri bin Kamaruddin	Perwakilan
3.	Jainal bin Muhidan	Perwakilan
4.	Mohd Faizal bin Hashim	Perwakilan
5.	Zuliana binti Zainal Abidin	Perwakilan
6.	Aluay bin Ahmad	Perwakilan

JOHOR

1.	Mazlan bin Mahat	Perwakilan
2.	Norhayati binti Jaafar	Perwakilan
3.	Jumaat bin Sahari	Perwakilan
4.	Daud bin Mohd Jeni	Perwakilan
5.	Noor Aziha binti. Abd Aziz	Perwakilan
6.	Khalid bin Ibrahim	Perwakilan
7.	Zahari bin Limat	Perwakilan
8.	Nor Azizah binti Hadirman	Perwakilan
9.	Abd Razak bin Mohd Amin	Perwakilan
10.	Mohd Najib bin Rembeli	Perwakilan

PAHANG

- | | | |
|----|----------------------------|------------|
| 1. | Zamrol bin Ariffin | Perwakilan |
| 2. | Noor Aznieta binti Ibrahim | Perwakilan |
| 3. | Mohd Syahiri bin Mohamed | Perwakilan |
| 4. | Haywata bin Abdul Ghafar | Perwakilan |
| 5. | Nor Hazizah binti Alwi | Perwakilan |

KEDAH/PERLIS

- | | | |
|----|-----------------------------|------------|
| 1. | Mohamad Azwa bin Md Salleh | Perwakilan |
| 2. | Mohd Zamani bin Salleh | Perwakilan |
| 3. | Ade Noorazman bin Abd Tahir | Perwakilan |
| 4. | Nor Rosidi bin Aziz | Perwakilan |
| 5. | Mohamad Shukri bin Baharom | Perwakilan |
| 6. | Mohd Zamir bin Azmi | Perwakilan |

PULAU PINANG

- | | | |
|----|-------------------------|------------|
| 1. | Ahmad Nizam bin Razak | Perwakilan |
| 2. | Ariff bin Ahmad | Perwakilan |
| 3. | Anuar bin Oмарdin | Perwakilan |
| 4. | Rohasidie bin Abd Rahim | Perwakilan |
| 5. | Rosman bin Abdullah | Perwakilan |

SABAH

- | | | |
|----|----------------------|------------|
| 1. | Judy D. Satiwang | Perwakilan |
| 2. | Ali bin Salleh | Perwakilan |
| 3. | Roseni Stephen | Perwakilan |
| 4. | Junaidi bin Ali | Perwakilan |
| 5. | Mohd Ahyar bin Ahmad | Perwakilan |
| 6. | Jaounah Ompongoh | Perwakilan |
| 7. | Asmadi bin Sidin | Perwakilan |

SARAWAK

- | | | |
|----|----------------------------------|------------|
| 1. | Azman Shah bin Ismail Wang | Perwakilan |
| 2. | Omeli bin Mun | Perwakilan |
| 3. | Mohamed Rafik bin Mohamed Yoosuf | Perwakilan |
| 4. | Misah binti Sabani | Perwakilan |
| 5. | Bohori bin Jima'ah | Perwakilan |

TERENGGANU

- | | | |
|----|--------------------------------|------------|
| 1. | Mohd Hadafi bin Ali | Perwakilan |
| 2. | Ahmad Fauzi bin Yusof | Perwakilan |
| 3. | Mohd Sofian bin Mohamad | Perwakilan |
| 4. | Azri bin Abdullah | Perwakilan |
| 5. | Maznita binti Mohamad@Abdullah | Perwakilan |

KELANTAN

- | | | |
|----|-------------------------------|------------|
| 1. | Kartini binti Husain | Perwakilan |
| 2. | Mohamad Mokhtar bin Abd Wahab | Perwakilan |
| 3. | Md Arbi bin Che Cob | Perwakilan |
| 4. | Zakaria bin Yin | Perwakilan |
| 5. | Marzimi bin Ab Rasid | Perwakilan |

**PENGURUSAN/KAKITANGAN
KOBANAS**

KAKITANGAN PEJABAT

1. Azman bin Mohd Sidek
2. Noor Shabudin bin Shafie
3. Zetty Zulaiqa binti Badaruddin
4. Mohd Kamil bin Mustafa
5. Muhammad Ammar Haziq bin Mohd Azri
6. Nurul Salsabila binti Mohd Noor
7. Nadiatul Faddi'rah binti Mansor
8. Siti Hawa binti Hoziri
9. Khazmi bin Abu Kasim
10. Mashila binti Md Som
11. Muhammad Noorul Azam bin Mafti
12. Tinawati binti Sabirin

JAWATAN

- Pengurus Besar
Eksekutif Kredit
Eksekutif Akaun
Eksekutif Projek
Eksekutif Sumber Manusia
Eksekutif IT
Pegawai Akaun
Kerani Kredit
Kerani Kredit
Kerani Akaun
Penghantar Cepat
Pembantu Pejabat

TEMPAT LETAK KERETA

- | | |
|-----------------------------|----------|
| 1. Mohd Toha Dawud | Penyelia |
| 2. Nur Halipah binti Othman | Atendan |
| 3. Amirullah bin Zakaria | Atendan |
| 4. Iskandar bin Abu Bakar | Atendan |

KANTIN PPBSN BANGI

- | | |
|---------------------------------|-----------------------|
| 1. Ismail bin Mohd Noor | Penyelia |
| 2. Saenah binti Misdin | Tukang Masak |
| 3. Wan Suzana bin Wan Abas | Tukang Masak |
| 4. Mohd Saipuddin bin Mohd Noor | Pembantu Tukang Masak |
| 5. Fatimah binti Md Nor | Pembantu Tukang Masak |
| 6. Mohd Sufian bin Ab Wahab | Ketua Pelayan |
| 7. Izzan Syazwan bin Ismail | Pelayan |
| 8. Liza binti Zainal Nabibi | Pembantu Kantin |
| 9. Mohd Khairul Adham bin Ali | Pelayan |

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

Saya selaku Pengerusi Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad dengan rasa rendah hati dan sukacitanya membentangkan Laporan Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) bersama Akaun Beraudit, Laporan Juruaudit Luar dan Laporan Juruaudit Dalam bagi tahun kewangan 2018 serta ulasan dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tahun Kewangan 2017. Laporan ini dibentangkan untuk mendapat kelulusan anggota perwakilan semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 26.

Bagi tahun kewangan 2018, KOBANAS telah memperolehi pendapatan berjumlah RM6,714,974 berbanding tahun 2017 berjumlah RM6,508,248 iaitu peningkatan sebanyak RM206,726 @ 3.20%. Tahun Kewangan 2018 juga KOBANAS telah memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM3,082,360 berbanding RM2,891,148 tahun 2017 meningkat sebanyak RM191,212 @ 6.70% dan ini merupakan tahun ke sembilan belas berturut-turut KOBANAS telah mencatatkan keuntungan. Ini menunjukkan KOBANAS telah ditadbir urus dengan baik sepertimana yang dikehendaki oleh anggota KOBANAS serta mengikut segala peraturan yang disarankan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

PEMBIAYAAN ANGGOTA

Pemberian pembiayaan kepada anggota masih menjadi teras aktiviti KOBANAS dimana jumlah keseluruhan amaun pembiayaan setakat 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM36,515,232. Jumlah pendapatan daripada aktiviti pembiayaan ini pada tahun 2018 berjumlah RM4,108,917 berbanding tahun 2017 RM3,839,018 meningkat sebanyak RM269,899 @ 7.10%

MODAL YURAN ANGGOTA

Modal Yuran Anggota meningkat daripada RM13,008,919 tahun 2017 kepada RM13,887,121 iaitu peningkatan sebanyak RM 878,202 @ 6.80%. Peningkatan ini menunjukkan anggota terus yakin dengan prestasi KOBANAS semenjak kebelakangan ini terutama dari segi pembayaran dividen setiap tahun.

MODAL SYER ANGGOTA

Modal Syer Anggota juga menunjukkan peningkatan daripada RM5,219,571 tahun 2017 kepada RM5,599,780 tahun 2018 iaitu sebanyak RM 380,209 @ 7.29%. Peningkatan ini juga menunjukkan keyakinan anggota bertambah dari tahun ke tahun ekoran prestasi KOBANAS yang baik semenjak kebelakangan ini terutama dari segi pembayaran dividen setiap tahun.

KEANGGOTAAN KOPERASI

Keanggotaan KOBANAS menunjukkan sedikit penurunan daripada 4,231 tahun 2017 kepada 4,153 tahun 2018 seramai 78 orang iaitu 1.85%. Faktor penurunan ini banyak disumbangkan apabila ramai anggota telah berhenti daripada BSN samada bersara daripada perkhidmatan atau ditamatkan perkhidmatan.

AKTIVITI PROJEK

Projek	Untung Rugi (RM)		Perbezaan (RM)	Peratusan	Catatan
	2018	2017			
Lanskap	43,478	48,887	(5,409)	11.07%	Penurunan
Kantin Wisma BSN	51,567	8,489	43,078	507.46%	Peningkatan
Kantin PPBSN	121,016	329,719	(208,703)	63.30%	Penurunan
Tempat Letak Kereta	97,115	83,612	13,503	16.15%	Peningkatan

Dua daripada empat aktiviti projek untuk tahun 2018 menunjukkan penurunan keuntungan (Lanskap dan Kantin PPBSN) dan dua projek menunjukkan peningkatan (Kanti Wisma dan TLK).

Penurunan

- Kantin PPBSN - Faktor utama kekurangan tempahan kursus BSN.
Peningkatan kos bahan mentah.
- Lanskap - Harga kontrak kekal sepertimana tahun sebelumnya dan ianya tidak selari dengan peningkatan kos yang ditanggung oleh KOBANAS.

PELABURAN HARTANAH

Sepertimana mandat yang telah diberikan oleh Perwakilan pada mesyuarat agung sebelum ini KOBANAS telah mengorak langkah menceburi perniagaan hartanah dan setakat ini KOBANAS telah membeli hartanah yang difikirkan sesuai dan memberi pulangan yang baik kepada KOBANAS. Antara hartanah yang telah dimiliki oleh KOBANAS adalah sepertimana berikut:

Bil	Jenis Harta	Lokasi	Harga Belian / Sumber	Anggaran Harga Pasaran Semasa	Status
1	Rumah Kedai 3 tingkat	Wangsa Melawati, Kuala Lumpur	RM700,000 / Tiada lagi pinjaman	RM1,200,000	Disewakan RM5,600 sebulan
2	Rumah Kedai 4 tingkat	Bandar Seri Putra Bangi, Selangor	RM1,987,000 / Tiada lagi pinjaman	RM3,000,000	Disewakan RM20,000 sebulan
3	Rumah Kedai 3 tingkat	Wangsa Maju, Kuala Lumpur	RM1,500,000 / Pinj. Affin Bank	RM2,000,000	Disewakan RM7,100 sebulan
4	Rumah Berkembar 1 tingkat	Pantai Batu Hitam, Kuantan, Pahang	RM270,000 / Beli tunai	RM300,000	Dijadikan <i>Homestay</i> terutama untuk anggota KOBANAS
5	Rumah Kedai 3 tingkat	Bandar Meru Raya Ipoh, Perak	RM948,000 / Beli tunai	RM1,200,000	Untuk disewakan kepada pihak luar
6	Rumah Berkembar 2 tingkat	Mukim Kuala Nerus, Terengganu	RM290,000 / Beli tunai	RM300,000	Dijadikan <i>Homestay</i> terutama untuk anggota KOBANAS
7	Tanah serta Bangunan Rumah Kedai dua tingkat	Cabang Tiga, Kuala Terengganu	RM2,150,000 / Beli tunai	RM2,300,000	Disewakan RM12,000 sebulan
8	Rumah Berkembar 2 tingkat	Mukim Bukit Piatu, Melaka Tengah	RM310,000 / Beli tunai	RM350,000	Dijadikan <i>Homestay</i> terutama untuk anggota KOBANAS

9	Dua unit Apartment	Austin Hills, Johor Bharu	RM800,920 / Beli tunai	RM800,920	Dijadikan <i>Homestay</i> terutama untuk anggota KOBANAS
10	Rumah Kedai 4 tingkat	Jelatek Business Park Kuala Lumpur	RM2,450,000	RM2,500,000	Kegunaan untuk Pejabat Urusan KOBANAS
11	Rumah Kedai 2 tingkat	Larkin Jaya, Johor Bharu	RM500,000	RM550,000	Disewa oleh pihak BSN di tingkat bawah dengan kadar sewa RM3,000 sebulan
12	Rumah Kedai 3 ½ tingkat	Kuala Terengganu	RM1,980,000	RM2,100,000	Disewakan
13	Apartment 3 bilik	Marina Court Kota Kinabalu	RM750,000	RM800,000	Dijadikan <i>Homestay</i> terutama untuk anggota KOBANAS
	JUMLAH		RM14,635,920	RM17,400,920	

Keseluruhan pendapatan sewaan yang diperolehi daripada penyewaan hartanah di atas pada tahun 2018 adalah sebanyak RM571,820.
(2018: 571,820 / 2017: 514,627)

DIVIDEN

Dengan prestasi yang baik pada tahun 2018 Anggota Lembaga Koperasi bersetuju untuk mencadangkan pembayaran dividen untuk akaun tahunan 2018 dikekalkan pada kadar 10% atas saham dan 8% atas simpanan caruman sepepetimana yang dibayar pada tahun 2017. Pembayaran dividen ini adalah bergantung kepada pencapaian keuntungan KOBANAS, sekiranya ada keuntungan maka ianya akan dikembalikan semula kepada anggota dalam bentuk dividen.

PENGIKTIRAFAN

Dari segi pencapaian peringkat nasional KOBANAS telah diiktiraf antara 100 Koperasi terbaik seluruh Malaysia daripada lebih kurang 14,000 koperasi yang ada dengan menduduki tempat ke 26. Dengan iktiraf ini KOBANAS berasa lebih yakin dan percaya bahawa KOBANAS bergerak dilandaskan yang betul bersandarkan kepada peraturan-peraturan serta arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

PEMBANGUNAN WEB

Bagi memudahkan anggota memperoleh maklumat terkini mengenai KOBANAS serta permohonan pembiayaan secara talian KOBANAS dalam usaha membangunkan Laman Web bagi menggantikan Laman Web sebelum ini. Sekiranya pembangunan laman web ini telah siap maka anggota tidak perlu menghantar permohonan secara manual lagi kerana ianya boleh dipohon melalui talian terus (online).

HALA TUJU KOBANAS

Kobanas sedang mengorak langkah dan berusaha untuk menjadi lebih baik dari tahun demi tahun memandangkan mengekalkan prestasi perniagaan adalah sangat mencabar. Penambahan pendapatan adalah fokus utama dalam pengurusan dengan mempelbagaikan pembiayaan sediada dan berusaha untuk meningkatkan produktiviti pembiayaan dan perkhidmatan.

Anggota Lembaga Koperasi juga sentiasa memikirkan langkah-langkah untuk terus relaven dan konsistensi dengan memberi penumpuan dan tingkatkan hubungan perniagaan bersama Pengurusan Tertinggi BSN dan juga rakaniaga sediada serta mencari rakaniaga yang baru dalam sektor yang dapat menjamin pendapatan. Sebagai contoh : hartanah. Hartanah yang akan dibeli untuk tujuan penambahan aset perlulah menghasilkan pendapatan dan pulangan setiap tahun disamping memberikan kemudahan kepada anggota.

Pihak Anggota Lembaga Koperasi juga berharap semua Perwakilan yang dilantikan pada hari ini dapat memberikan sumbangan idea-idea yang dapat kita membawa bersama KOBANAS kepada yang lebih baik dan sentiasa menjaga kebaikan untuk anggota KOBANAS keseluruhannya. Kebajikan anggota adalah keutamaan kami.

PENGHARGAAN

Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi KOBANAS dengan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

1. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2. Pengurusan BSN, pegawai dan kakitangannya
3. Perwakilan dan anggota KOBANAS yang setia memberikan sokongan dan kerjasama kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk mentadbir KOBANAS
4. Semua kakitangan KOBANAS di atas sumbangan, usaha dan jasa mereka dalam melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan operasi KOBANAS.

Sekian, terima kasih.

(HAMZAH HAJI IBRAHIM)

Pengerusi KOBANAS

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Kegiatan utama Koperasi meliputi pemberian kemudahan pembiayaan kepada anggota atau skim perdagangan barang-barang keperluan anggota-anggota seperti alat elektrik, barang-barang kemas, motosikal dan sebagainya mengikut keperluan anggota-anggota, wakil insuran, menyediakan perkhidmatan tempat letak kereta, kontrak lanskap, perniagaan kantin dan sewaan bangunan..

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa;

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara luar biasa mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi, 1993;
- b) Koperasi bercadang untuk mengeluarkan dividen sebanyak 10% atas modal syer dan 8% atas yuran anggota yang dianggarkan masing-masing berjumlah RM 550,000.00 dan RM 980,000.00 kepada ahli-ahli Koperasi teitakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Mesyuarat Agung;
- c) Koperasi juga bercadang memindahkan keuntungan terkumpul ke Tabung Kebajikan Anggota berjumlah RM 14,300.00, honorarium lembaga berjumlah RM 60,000.00 dan Kumpulan Wang Penebusan Saham berjumlah RM 50,000.00;
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai;
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh penyata pendapatan, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan;
- f) Anggota Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset tetap, aset semasa, liabiliti semasa, liabiliti jangka panjang, modal dan rizab yang ditunjukkan di kunci kira-kira adalah munasabah; dan

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C) (SAMBUNGAN)**

g) Anggota Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut;

Encik Hamzah bin Hj. Ibrahim	- Pengerusi
Encik Mohammad Khasnieddy bin Khasimi	- Naib Pengerusi
Encik Mohd Kamaruzaman bin Nor	- Setiausaha
Encik Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu	- Bendahari
Encik Mazlan bin Darwis	- Anggota Lembaga
Encik Mohamad Hidayat bin Mahmud	- Anggota Lembaga
Encik Aziz bin Hassan	- Anggota Lembaga
Puan Nur Syazwini binti Zakaria	- Anggota Lembaga
Encik Harudin Asmal bin Haron	- Anggota Lembaga
Encik Mohd Ghazali bin Abu Zahid	- Anggota Lembaga
Encik Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor	- Anggota Lembaga
Encik Rosafandi bin Hj. Rusli	- Anggota Lembaga

Kami bagi pihak anggota Lembaga mengaku bahawa selain dari perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi, 1993 Seksyen 59 (3).



Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu
(Bendahari)



Mohd Kamaruzaman bin Nor
(Setiausaha)



Hamzah bin Hj. Ibrahim
(Pengerusi)



KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Anggota- anggota Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang terdiri daripada kunci kira-kira pada 31 Disember 2018, dan penyata pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan.

Tanggungjawab Lembaga ke atas Penyata Kewangan

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut peruntukan Akta Koperasi, 1993 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Lembaga turut bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh Lembaga untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan, berdasarkan audit kami. Kami telah mengendalikan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami patuh dengan keperluan beretika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur untuk memperolehi bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Pemilihan sesuatu prosedur adalah bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan bagi penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberikan pandangan yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai berdasarkan keadaan, tapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Koperasi. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Lembaga, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.





KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit (Sambungan)

Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Seksyen 58 Akta Koperasi 1993;
- Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset Koperasi dalam tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah menurut peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia dan peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam semua aspek yang material, dinyatakan dengan saksama menurut dasar-dasar perakaunan.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya bagi anggota-anggota Koperasi sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.


MNZWAJA
AF 001959
Akauntan Bertauliah


Taqiyuddin Amini bin Abdul Satar
SKM (B) 0455
02378/09/2020 J
Akauntan Bertauliah

Shah Alam
Tarikh: **31 MAY 2019**



Telephone : +603 8322 8100
Fax : +603 8322 8200

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2,
Pensiaran Flora,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Disember 2018

		2018	2017
	Nota	RM	RM
HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN			
Tanah dan bangunan	3	14,261,850.16	12,554,264.06
Kenderaan	3	4,263.50	5,193.50
Komputer	3	76,938.68	77,273.79
Lengkapan dan lekapan	3	209,063.20	198,000.50
Ubahsuai bangunan	3	199,707.51	147,933.71
		<u>14,751,823.05</u>	<u>12,982,665.56</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan dalam saham siar harga	4	3,496.41	4,625.00
Pelaburan dalam saham tak siar harga	5	10,000.00	10,000.00
Pembiayaan anggota	6	31,582,266.71	31,770,413.64
		<u>31,595,763.12</u>	<u>31,785,038.64</u>
ASET SEMASA			
Pembiayaan anggota	6	4,932,965.14	4,689,292.36
Penghutang perdagangan	7	1,179,788.75	1,388,568.42
Pelbagai penghutang	8	750,691.55	550,587.65
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	9	3,185,000.00	2,385,000.00
Simpanan tetap	10	540,000.00	360,000.00
Wang di bank	11	1,106,265.46	806,410.71
Wang di tangan	12	3,342.44	3,860.64
		<u>11,698,053.34</u>	<u>10,183,719.78</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang perdagangan	13	77,704.24	102,803.89
Pelbagai pemiutang	14	845,060.18	1,361,050.61
Dividen dicadangkan	15	1,530,000.00	1,558,098.01
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	16	60,971.34	58,014.95
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	17	30,485.67	29,007.48
Pinjaman berjangka	18	2,323,843.23	2,009,529.80
		<u>4,868,064.66</u>	<u>5,118,504.74</u>
Aset semasa bersih		<u>6,829,988.68</u>	<u>5,065,215.04</u>
		<u>53,177,574.85</u>	<u>49,832,919.24</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA (SAMBUNGAN)

Pada 31 Disember 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Dibiayai oleh:-			
Modal Syer Anggota	19	5,599,780.18	5,219,571.18
Modal Yuran Anggota	20	13,887,120.93	13,008,918.61
Akaun Rizab Modal	21	326,000.28	326,000.28
Kumpulan Wang Penebusan Syer	22	446,950.00	396,950.00
Caruman Jimat Cermat	23	2,021,193.96	2,061,776.61
Tabung Kebajikan Anggota	24	100,000.00	100,000.00
Tabung Khairat Kematian	25	5,356.62	36,326.62
Tabung Kredit Kelompok	26	1,346,585.92	1,297,590.98
Tabung Penyelenggaraan Homestay	27	56,731.30	92,121.40
Akaun untung rugi terkumpul		<u>11,877,965.95</u>	<u>11,035,791.97</u>
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>35,667,685.14</u>	<u>33,575,047.65</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	28	7,798,801.08	7,128,116.31
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman berjangka	18	<u>9,711,088.63</u>	<u>9,129,755.28</u>
		<u>53,177,574.85</u>	<u>49,832,919.24</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Keuntungan bersih tahun ini (Tolak)/ tambah: Pelarasan operasi	43	3,082,360.45 (33,793.33)	2,891,147.64 9,600.00
Untung bersih selepas pelarasan operasi		<u>3,048,567.12</u>	<u>2,900,747.64</u>
Tolak : Pembahagian berkanun			
Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori (22 % / 2017: 22%)	28	670,684.77	638,164.48
Pindahan ke Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2% / 2017: 2%)	16	60,971.34	58,014.95
Pindahan ke Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1% / 2017: 1%)	17	30,485.67	29,007.48
		<u>762,141.78</u>	<u>725,186.91</u>
Keuntungan selepas pembahagian berkanun		2,286,425.34	2,175,560.73
Tolak:			
Peruntukan cukai pendapatan	42	-	8,820.52
Tolak : Pembahagian Lain			
Cadangan dividen atas modal syer (10% / 2017:10%)	15	550,000.00	500,000.00
Cadangan pulangan keuntungan atas yuran anggota (8% / 2017: 8%)	15	980,000.00	920,000.00
Cadangan honorarium Lembaga Kumpulan wang penebusan syer	22	60,000.00 50,000.00	60,000.00 300,000.00
Tabung Kebajikan Anggota	24	14,300.00	6,600.00
		<u>1,654,300.00</u>	<u>1,786,600.00</u>
Baki keuntungan yang belum dibahagikan		632,125.34	380,140.21
Tambah: Pelarasan bukan operasi Pelarasan tahun lepas	43	210,048.64 842,173.98	52,818.15 432,958.36
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		11,035,791.97	10,602,833.61
Baki keuntungan terkumpul pada akhir tahun		<u>11,877,965.95</u>	<u>11,035,791.97</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan Daripada Aktiviti			
Keuntungan atas pembiayaan	29	4,108,916.64	3,839,018.19
Pendapatan perkhidmatan:-			
Kontrak Landskap	30	144,463.50	145,636.84
Kantin Bank Simpanan Nasional	31	362,009.88	293,894.81
Kantin Pusat Latihan BSN	32	1,036,748.10	1,306,824.54
Unit Letak Kereta	33	239,041.37	213,874.14
Homestay	34	32,801.70	18,349.05
Komisen Insuran		32,272.74	41,340.87
Komisen Agen		63,922.54	81,280.53
Pelaburan	35	572,810.00	516,277.04
Pelbagai pendapatan:-			
Caj pindahan syer		2,018.49	1,510.75
Caj pemprosesan pembiayaan		12,213.46	14,275.81
Pendapatan insuran kredit		86,807.64	19,195.84
Pendapatan pelbagai		18,653.30	13,531.27
Yuran pendaftaran ahli		2,294.91	3,238.11
Jumlah Pendapatan		6,714,974.27	6,508,247.79
TOLAK: PERBELANJAAN			
Kos Aktiviti			
Kontrak Landskap	30	100,985.90	96,749.75
Kantin Bank Simpanan Nasional	31	310,442.53	285,405.32
Kantin Pusat Latihan BSN	32	915,732.45	977,105.40
Unit Letak Kereta	33	141,926.34	130,261.66
Homestay	34	-	8,727.45
Perbelanjaan Am			
Perbelanjaan Lembaga	36	109,661.10	134,275.09
Perbelanjaan faedah	37	671,534.02	513,465.19
Susutnilai Aset	38	357,668.14	199,323.29
Baki dihantar ke hadapan		2,607,950.48	2,345,313.15

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI (SAMBUNGAN)

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
TOLAK : PERBELANJAAN (SAMBUNGAN)			
Baki dibawa ke hadapan		2,607,950.48	2,345,313.15
Perbelanjaan Am			
Yuran Audit Luar		12,000.00	9,000.00
Pelbagai Perbelanjaan			
Bayaran Guaman		19,068.50	4 5,601.32
Caj bank		2,220.28	1,459.01
Caj proses pembiayaan		14.00	-
Cukai pintu		27,611.25	16,246.95
Derma dan sumbangan		13,203.00	22,371.00
Khidmat pakar runding pematuhan Syariah		100.00	14,773.17
Perbelanjaan Audit Dalaman		8,299.00	7,368.50
Perbelanjaan kakitangan	39	599,278.49	528,012.79
Perbelanjaan pentadbiran	40	312,320.95	599,174.66
Penyelenggaraan aset tetap	41	29,219.28	26,566.30
Rosotnilai saham siar harga		1,128.59	-
Sukan koperasi		200.00	1,213.30
Jumlah Perbelanjaan		<u>3,632,613.82</u>	<u>3,617,100.15</u>
Keuntungan bersih		<u>3,082,360.45</u>	<u>2,891,147.64</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan bersih sebelum cukai	3,048,567.12	2,900,747.64
Pelarasan untuk:		
Susutnilai bagi aset tetap	508,681.59	219,169.26
Perbelanjaan faedah	671,534.02	513,465.19
Peruntukan rosotnilai saham siar harga	1,128.59	-
Pelarasan operasi	210,048.64	52,818.15
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>4,439,959.96</u>	<u>3,686,200.24</u>
Perubahan pada modal kerja:		
Skim pembiayaan anggota	(55,525.85)	(3,764,098.87)
Penghutang	8,675.77	(603,499.47)
Pemiutang perdagangan	(25,099.65)	(72,081.99)
Pelbagai pemiutang dan akruan	<u>(515,990.43)</u>	<u>276,432.89</u>
Aliran tunai daripada operasi	3,852,019.80	(477,047.20)
Bayaran faedah	(671,534.02)	(513,465.19)
Bayaran cukai pendapatan	-	(8,820.52)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada / (digunakan dalam aktiviti operasi)	<u>3,180,485.78</u>	<u>(999,332.91)</u>
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN		
Honorarium lembaga	(60,000.00)	(60,000.00)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan	(58,014.95)	(62,411.26)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan	<u>(29,007.48)</u>	<u>(31,205.63)</u>
Aliran tunai bersih untuk bayaran berkanun dan agihan	<u>(147,022.43)</u>	<u>(153,616.89)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian aset tetap	(2,277,839.08)	(4,881,074.39)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(2,277,839.08)</u>	<u>(4,881,074.39)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pertambahan pinjaman berjangka	2,500,000.00	2,500,000.00
Pembayaran pinjaman berjangka	(1,604,353.22)	(1,272,653.64)
Perubahan dalam modal syer anggota	380,209.00	1,498,030.00
Perubahan dalam modal yuran anggota	878,202.32	944,116.81
Perubahan dalam caruman jimat cermat	(40,582.65)	218,591.78
Tabung kebajikan anggota	(14,300.00)	(6,600.00)
Tabung khairat kematian	(30,970.00)	(8,995.00)
Tabung kredit berkelompok	48,994.94	339,738.61
Tabung penyelenggaraan homestay	(35,390.10)	15,661.40
Dividen dibayar	(1,558,098.01)	(1,201,901.99)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	<u>523,712.28</u>	<u>3,025,987.97</u>
Lebih / (Kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	1,279,336.55	(3,008,036.22)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<u>3,555,271.35</u>	<u>6,563,307.57</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>4,834,607.90</u>	<u>3,555,271.35</u>
ANALISIS TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:-		
Wang di bank	1,106,265.46	806,410.71
Wang di tangan	3,342.44	3,860.64
Simpanan tetap jangka pendek	<u>3,725,000.00</u>	<u>2,745,000.00</u>
	<u>4,834,607.90</u>	<u>3,555,271.35</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Koperasi meliputi pemberian kemudahan pembiayaan kepada anggota atau skim perdagangan barang-barang keperluan anggota-anggota seperti alat elektrik, barang-barang kemas, motosikal dan sebagainya mengikut keperluan anggota-anggota, wakil insuran, menyediakan perkhidmatan tempat letak kereta, kontrak lanskap, perniagaan kantin dan sewaan bangunan.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan.

Jumlah anggota aktif yang menjadi ahli Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai 4,153 orang (2017: 4,231 orang).

Bilangan kakitangan pada akhir tahun adalah seramai 26 orang (2017 : 25 orang).

Penyata Kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan melalui resolusi dalam mesyuarat Lembaga Koperasi pada 31 MAY 2019

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN

a. Asas-asas perakaunan

- i. Penyata kewangan disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan. Pelarasan akan dibuat untuk menyesuaikan dengan nilai-nilai saksama aset atau liabiliti.
- ii. Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

b. Yuran pendaftaran anggota

Yuran pendaftaran anggota dikreditkan ke akaun untung rugi sebagai pendapatan Koperasi mengikut Undang-undang Kecil Koperasi 13(4).

c. Harta tanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

Susutnilai dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan aset-aset tersebut. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

<u>Butiran</u>	<u>Kadar (%)</u>
Tanah dan bangunan	2%
Kenderaan	15 %
Komputer	15 %
Lengkapan dan lekapan	15 %
Ubahsuai bangunan	15 %

d. Pelaburan dalam saham tak siar harga dan saham amanah

- i. Pelaburan dalam saham amanah dinyatakan pada kos asal dan nilai pasaran yang mana lebih rendah.
- ii. Pelaburan dalam saham tak siar harga dinyatakan pada kos asal tolak peruntukan rosotnilai pelaburan yang dianggap berkekalan.

e. Penghutang perdagangan dan pelbagai

Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kajian semula ke atas semua jumlah yang belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira.

f. Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank, pelaburan tetap tidak bercagar dan pelaburan berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

g. Pemiutang perdagangan dan pelbagai

Pemiutang dinyatakan pada kos, iaitu pada nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

h. Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir masuk kepada Koperasi dan jumlah pendapatan boleh dikira secara munasabah.

i. Keuntungan dari skim pembiayaan anggota dan bukan anggota

Pengiktirafan keuntungan atas skim pembiayaan anggota dan bukan anggota adalah berdasarkan pada kaedah garis lurus atas penerimaan daripada potongan gaji berjadual.

ii. Jualan barangan dan perkhidmatan

Pendapatan ini diiktiraf bersih daripada cukai jualan dan diskaun ke atas pemindahan risiko dan ganjaran kepada pembeli.

iii. Pendapatan sewa dan komisen

Pendapatan sewa dan komisen diiktiraf secara akruan melainkan kemungkinan untuk diperolehi dimansuhkan.

iv. Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak menerimanya telah ditentukan.

i. Percukaian

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang di jangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2018

j. Manfaat pekerja

i. Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan social diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh pekerja Koperasi. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila cuti berlaku.

ii. Rancangan caruman tertentu

